



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 22 TAHUN 2024

**PEMURNIAN
TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KERJA PERANCANGAN
PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI (JKPPAU) UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
10 Disember 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10 Disember 2024

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 22 TAHUN 2024

PEMURNIAN TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KERJA PERANCANGAN PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI (JKPPAU) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-240 Bilangan 12/2024 yang bersidang pada 10 Disember 2024 telah meluluskan:

- i. pemurnian terma rujukan Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); dan
- ii. membatalkan SPPA Bil. 3 Tahun 2021 - Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti dan menggantikan dengan rujukan yang terkini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penubuhan JKPPAU UPSI kali pertama telah diluluskan pada tahun 2021 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Kali Ke-191 Bil. 1/2021 bertarikh 27 Januari 2021 dan Mesyuarat Senat Kali Ke-198 Bil. 2/2021 bertarikh 16 Februari 2021.
- 2.2 Pada tahun 2022, pemurnian penubuhan JKPPAU telah dilaksanakan dan diluluskan melalui Mesyuarat Senat Kali Ke-214 Bil.8/2022 bertarikh 9 Ogos 2022.

- 2.3 Setelah hampir empat (4) tahun pelaksanaan Mesyuarat JKPPAU, terma rujukan bagi Jawatankuasa ini disemak semula mengikut kesesuaian bidang fungsi dan tugas bagi memastikan urusan berkaitan dengan semakan dokumen berjalan dengan teratur dan lancar.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Menyemak semula fungsi dan tugas JKPPAU UPSI bagi memastikan sesuatu keputusan dapat dicapai secara kolektif; dan
- 3.2 Meneliti semula keahlian JKPPAU UPSI bagi memastikan semua pihak yang berkepentingan terlibat dalam membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan program akademik baharu dan semakan kurikulum.

4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

- 4.1 Cadangan pemurnian terma rujukan JKPPAU UPSI adalah seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Senat kali kedua | Cadangan Baharu 2024 |
|------|-------------------|--|---|
| 1. | Nama Jawatankuasa | Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU) | Kekal |
| 2. | Keahlian | Pengerusi – Pengarah PPA | Pengerusi – Pengarah Pusat Pembangunan Akademik (PPA) atau yang diwakili olehnya |
| | | Pengarah PTj Akademik: a. Pengarah/wakil BPQ b. Pengarah/wakil Pulami c. Pengarah/wakil Pusat Ko d. Seorang wakil Pusat Kemahiran Bahasa e. Seorang wakil IPS | Ahli Panel Penilai (APP) JKPPAU: 1. Dua (2) orang Timbalan Pengarah, PPA 2. Semua Penyelaras, PPA 3. Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) 4. Timbalan Pengarah 1, Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMi) 5. Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum |
| | | Ketua Timbalan Pendaftar BHEA / wakil | |

| Bil. | Perkara | Senat kali kedua | Cadangan Baharu 2024 |
|------|----------------------------|---|---|
| | | <p>10 orang Timbalan Dekan – Fakulti & IPS</p> <p>Dua (2) orang wakil dari setiap Fakulti (seorang Ketua Jabatan dan seorang penilai program akademik UPSI/ ahli panel penilai MQA)</p> <p>Staf Pengurusan PPA:</p> <p>a. 2 orang Timbalan Pengarah b. 3 orang Penyelaras</p> | <p>6. Timbalan Pengarah Akademik Perkembangan Kanak-kanak dan Sistem Data, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC)</p> <p>7. Timbalan Pengarah, Institut Peradaban Melayu (IPM)</p> <p>8. Penyelaras, Pusat Kemahiran Bahasa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (PKB, FBK)</p> <p>9. Timbalan Dekan (Akademik & Antarabangsa) setiap fakulti</p> <p>10. Timbalan Dekan Pembangunan Akademik dan Pengijazahan, Institut Pengajian Siswazah (IPS)</p> <p>11. Dua (2) orang wakil akademik dari setiap Fakulti</p> <p>Ahli Jemputan Tetap:</p> <p>1. Kelua / wakil Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)</p> <p>2. Pegawai Tadbir / wakil IPS</p> <p>Ahli Jemputan Semasa:</p> <p>1. Ketua Jabatan / wakil program akademik yang dinilai dalam Mesyuarat JKPPAU</p> <p>2. Penyelaras Program / wakil program akademik yang dinilai dalam Mesyuarat JKPPAU</p> <p>Setiausaha 1: Pegawai Tadbir, PPA</p> <p>Setiausaha 2: Penolong Pegawai Tadbir, PPA</p> <p>Urusetia: Seksyen Kurikulum, Akreditasi dan Penilaian (KAP)</p> |
| 3. | Tempoh lantikan APP JKPPAU | 2 tahun | Mengikut tempoh lantikan jawatan pentadbiran yang disandang kecuali dua (2) tahun lantikan bagi dua (2) orang wakil akademik dari setiap Fakulti |
| 4. | Kekerapan bersidang | 6 kali setahun | Kekal dan jadual ditetapkan selari dengan Mesyuarat di peringkat UPSI, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT) dan Agensi Kelayakan |

| Bil. | Perkara | Senat kali kedua | Cadangan Baharu 2024 |
|------|---------------|---|--|
| | | | Malaysia (<i>Malaysian Qualification Agency, MQA</i>) berkaitan penawaran program akademik baharu dan semakan semula program akademik |
| 5. | Korum | 2/3 | Kekal |
| 6. | Tanggungjawab | <p>a. Meneliti, mengkaji, memantau semula dan mendapatkan maklum balas perancangan dan pelaksanaan kurikulum program dari segi reka bentuk kurikulum, kaedah penyampaian PdP berinovasi dan penaksiran alternatif.</p> <p>b. Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku cadangan reka bentuk kurikulum program yang dibangunkan.</p> <p>c. Membantu menyedia dasar berkaitan pelaksanaan fleksibel selaras dengan keperluan negara dan kehendak pasaran/ industri semasa.</p> | <p>APP JKPPAU:</p> <p>a. Meneliti, menyemak, menulis laporan, membenteng dan memperaku dokumen berkaitan Permohonan Program Akademik Baharu (PPAB) selaras dengan bidang kepakaran untuk dipanjangkan ke Mesyuarat JKPA/JPS</p> <p>b. Meneliti, menyemak, menulis laporan, membenteng dan memperaku dokumen berkaitan Permohonan Semakan Kurikulum Program Akademik (PSKPA) selaras dengan bidang kepakaran untuk dipanjangkan ke Mesyuarat JKPA/JPS</p> <p>c. Meneliti, menyemak, menulis laporan, membenteng dan memperaku dokumen berkaitan Permohonan Program Kerjasama Ijazah Dual (PPKID) selaras dengan bidang kepakaran untuk dipanjangkan ke Mesyuarat JKPA/JPS</p> <p>d. Meneliti, menyemak, menulis laporan, membenteng dan memperaku dokumen berkaitan mana-mana Permohonan Program Akademik selain daripada PPAB, PSKPA dan PPKID selaras dengan bidang kepakaran untuk dipanjangkan ke Mesyuarat JKPA/JPS</p> <p>Ahli Jemputan Tetap:</p> <p>a. Membantu dalam memberikan penasihat berkaitan perkara yang diputuskan dalam Mesyuarat JKPPAU</p> |

| Bil. | Perkara | Senat kali kedua | Cadangan Baharu 2024 |
|------|--------------|--|---|
| | | | <p>b. Membuat perkongsian input terkini yang diputuskan dalam mesyuarat JKPA/JPS/Senat</p> <p>Ahli Jemputan Semasa:</p> <p>a. Mengemaskini dokumen berkaitan PPAB/ PSKPA sebagaimana diputuskan dalam Mesyuarat JKPPAU</p> <p>b. Memberi satu salinan dokumen berkaitan PPAB/ PSKPA yang telah dikemaskini kepada Seksyen KAP melalui email kap.ppa@upsi.edu.my</p> |
| 7. | Bidang Tugas | <ol style="list-style-type: none"> 1. Meneliti dan menyemak dasar atau polisi atau garis panduan yang berkaitan PdP. 2. Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku dokumen Mesyuarat Saringan Awal, Kertas Cadangan (KC) bagi program baharu sebelum dikemukakan kepada Senat; antaranya ialah <ol style="list-style-type: none"> a. Penamaan dan Standard Program b. Kurikulum Tersedia Masa Hadapan <ul style="list-style-type: none"> - Struktur Kurikulum Boleh Lentur dan Organik - Penyampaian Pembelajaran dan Pengajaran Transformatif - Pentaksiran Alternatif 3. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) <ol style="list-style-type: none"> a. Pengalaman / Seminar Tahun Satu b. Tugas dan Projek Kolaboratif c. Pembelajaran Berasaskan Khidmat/ Komuniti d. Pembelajaran Bercirikan Kepelbagaian /Global | <p>Digugurkan daripada bertulis kerana pada masa ini APP JKPPAU dalam bidang kepakaran berperanan untuk meneliti, menyemak, membentang dan memperaku dokumen berkaitan dalam proses semakan penilaian PPAB, PSKPA, PPKID dan mana-mana Permohonan Program Akademik (bidang tugas ini merupakan elemen sedia ada di bawah tanggungjawab APP JKPPAU)</p> |

| Bil. | Perkara | Senat kali kedua | Cadangan Baharu 2024 |
|------|---------|---|----------------------|
| | | <ul style="list-style-type: none"> e. Penyelidikan Empirik f. Penulisan Akademik Intensif g. Pentaksiran Berdekatan Antara Bidang <p>4. Analisis kajian pasaran dan kelestarian program</p> <p>5. Meneliti dan menyemak reka bentuk kurikulum bagi memastikan ia selari dengan visi dan misi universiti</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Penulisan Objektif Pendidikan Program (PEO) b. Penulisan Hasil Pembelajaran Program (PLO) c. Penulisan Sinopsis kursus d. Penjajaran hasil pembelajaran kursus (CLO) mengikut aras domain pembelajaran (kognitif, afektif dan psikomotor) e. Penetapan jam pembelajaran pelajar (SLT) f. Kaedah Penaksiran g. Struktur kurikulum <p>6. Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku semakan program yang telah mencapai kitaran (tiga atau empat tahun)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Analisis pengesanan graduan b. Analisis kajian pasaran dan kelestarian program c. PLO d. CLO e. SLT f. Perubahan yang melebihi daripada 30% <p>7. Meneliti dan mengesyorkan, menimbang dan memperaku permohonan untuk penambahan Mod 2u2i bagi program yang sedia ada</p> | |

| Bil. | Perkara | Senat kali kedua | Cadangan Baharu 2024 |
|------|-----------------|---|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> a. Analisis kajian pasaran dan kelestarian program b. PLO c. CLO d. Struktur Program/ Model yang dipilih e. Implikasi penawaran program | |
| 8. | Dokumen rujukan | <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Malaysian Qualification Framework (MQF) 2nd Edition</i> 2. Garis Panduan Pembangunan Program Akademik JPT, KPT 3. Peraturan Akademik UPSI 4. Garis Panduan Amalan Baik – MQA 5. Dasar Pendidikan Negara 6. Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) 7. Garis Panduan 2u2i UPSI 8. Garis Panduan MOOC UPSI 9. Garis Panduan Pentaksiran dalam Talian UPSI 10. Mengambil kira mana-mana garis panduan daripada KPT dan MQA yang terkini mengikut keperluan masa ke semasa. | <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Malaysian Qualification Framework (MQF) 2nd Edition</i> 2. Garis Panduan Pembangunan Program Akademik JPT, KPT 3. Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 4. Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum UPSI 5. Garis Panduan Perubahan Kurikulum UPSI 6. Garis Panduan Amalan Baik – MQA 7. Dasar Pendidikan Negara 8. Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) 9. Garis Panduan 2u2i UPSI 10. Garis Panduan MOOC UPSI 11. Garis Panduan Pentaksiran dalam Talian UPSI 12. Garis Panduan Penawaran Kursus Elektif UPSI 13. Garis Panduan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Open Distance Learning, ODL) 14. Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian UPSI 15. Mana-mana peraturan dan rujukan daripada UPSI, KPT dan MQA yang terkini mengikut keperluan masa ke semasa. <p>Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa</p> |

5.0 KEPUTUSAN SENAT

5.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan:

- i. pemurnian terma rujukan Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); dan
- ii. membatalkan SPPA Bil. 3 Tahun 2021 - Jawatankuasa Kerja Perancangan Program Akademik Universiti dan menggantikan dengan rujukan yang terkini.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(SUHAILA SĪDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 10 Disember 2024

